



TERMS AND CONDITIONS CAMPAIGN SAVE, WIN AND EARN 8.88% ("Campaign")
TERMA DAN SYARAT KEMPEN "SIMPAN, MENANG DAN PEROLEH 8.88% ("Kempen")

1. CAMPAIGN PERIOD /TEMPOH KEMPEN

- a) This Campaign is organized by Bank Simpanan Nasional ("Bank" or "BSN") and will be conducted from 15 January 2024 until 31 December 2024, both dates are inclusive ("Campaign Period") unless notified otherwise by the Bank.

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional ("Bank" atau "BSN") dan akan berlangsung mulai 15 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen") melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.

- b) Subject to any changes in relation to the Campaign as determined by the Bank from time to time, the Bank reserves the right to amend, vary or extend the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period the Bank deems reasonable before the changes take effect.

Tertakluk kepada apa-apa perubahan berkaitan Kempen yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, Bank berhak untuk meminda, mengubah atau melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah sebelum pindaan berkuat kuasa.

2. ELIGIBILITY/KELAYAKAN

The Campaign is open to all eligible customers of the Bank ("Customers") meeting the following criteria:-

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank yang layak ("Pelanggan") yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:-

- Individuals aged **18 years old to 55 years old** (Malaysian only).
*Individu berumur **18 tahun** sehingga **55 tahun** (Warganegara Malaysia sahaja).*
- New and existing individual account holders of BSN.
Pemegang akaun BSN yang baharu dan sedia ada.
- This Campaign will require Customers to place a **minimum amount of RM5,000** in Sijil Simpanan Premium Platinum ("SSP Platinum") and equivalent amount in a BSN Takaful Makmur product.
*Kempen ini memerlukan Pelanggan menyimpan **amaun minimum RM5,000** dalam Sijil Simpanan Premium Platinum ("SSP Platinum") dan jumlah yang sama dalam produk BSN Takaful Makmur.*
- To retain the SSP Platinum deposit placement for a **6 months tenure**.
*Simpanan SSP Platinum perlu dikekalkan untuk **tempoh 6 bulan**.*

3. ELIGIBLE PRODUCT /PRODUK YANG LAYAK

- a) The Campaign shall only be applicable to the following banking products:-

Kempen ini hanya terpakai untuk produk-produk bank yang berikut:-

- **Sijil Simpanan Premium Platinum (SSP Platinum) and; / dan**
- **BSN Takaful Makmur.**

- b) The Campaign is subject to the Terms & Conditions governing Takaful products and as stipulated in the Product Disclosure Sheet(s) as well as the Terms and Conditions governing Sijil Simpanan Premium Platinum (SSP Platinum).

Kempen ini tertakluk kepada Terma dan Syarat Produk Takaful dan seperti yang termaktub dalam Helaian Pendedahan Produk serta Terma dan Syarat Sijil Simpanan Premium Platinum (SSP Platinum).

4. TERMS AND CONDITIONS /TERMA DAN SYARAT

a) Sijil Simpanan Premium Platinum (SSP Platinum)

Customer will be entitled to the **special profit rate of 8.88% per annum for six (6) months tenure** as stated in Clause 5 (Promotion Package) below, subject to the following conditions:-

*Pelanggan berhak mendapat **kadar keuntungan istimewa sebanyak 8.88% setahun bagi tempoh enam (6) bulan** seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5 (Pakej Promosi) di bawah, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-*

- i. The SSP Platinum placement must be in the form of fresh fund or from SSP Platinum redemption. Any existing SSP Platinum placements will not be eligible under this Campaign.
Simpanan SSP Platinum mestilah dalam bentuk dana baharu atau daripada penebusan SSP Platinum. Penyertaan daripada dana simpanan SSP Platinum sedia ada adalah tidak layak di bawah Kempen ini.
- ii. The minimum SSP Platinum amount is RM5,000.00 per placement and to be retained for six (6) months' tenure.
Jumlah minimum simpanan SSP Platinum adalah RM5,000.00 bagi setiap penyertaan dan simpanan perlu kekal selama tempoh enam (6) bulan.
- iii. **Special profit rate on SSP Platinum** placement is applicable to initial placement **one (1) cycle only**.
Kadar Keuntungan Istimewa SSP Platinum terpakai untuk penyertaan baru dan hanya ***satu (1) kitaran sahaja***.
- iv. Several placements are allowed and each placement shall be subjected to the minimum deposit amount allowed in this Campaign.
Beberapa penyertaan adalah dibenarkan dan setiap penyertaan simpanan hendaklah tertakluk kepada deposit minimum yang dibenarkan dalam Kempen ini.
- v. This SSP Platinum is operated and transacted under the following Shariah concepts and relevant provisions under the applicable laws:-
SSP Platinum ini dikendalikan dan diuruskan di bawah konsep Syariah dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di bawah undang-undang yang terpakai seperti berikut:-
 - a. Commodity Murabahah (Tawarruq) which refers to buying and selling of the commodities as underlying asset on the deferred basis by way of Murabahah (sale contract with the disclosure of the asset cost price and margin), then selling it to third party to obtain cash.
Murabahah Komoditi (Tawarruq) yang merujuk kepada transaksi jual beli komoditi sebagai aset pendasar dengan harga tangguh secara Murabahah (akad jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan), dan menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperolehi tunai.
 - b. Wakalah (agency contract) which adopts a 'dual-agency' arrangement involving the following:-
Wakalah (kontrak perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dual-agency' yang merangkumi perkara-perkara berikut:-

- i. The appointment of the Bank who acts as an agent to buy commodity on behalf of the Customer from a third party.
Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli komoditi daripada pihak ketiga.
 - ii. The appointment of the Bank who act as an agent on behalf of the Customer to conclude the selling of the commodity to the Bank on Murabahah basis.
Pelantikan Bank yang bertindak sebagai agen mewakili Pelanggan untuk menyempurnakan penjualan komoditi kepada Bank secara Murabahah.
 - iii. Customer hereby agrees to appoint the Bank under the Wakalah contract to be its' agent to perform the dual-agency arrangement.
Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik Bank di bawah kontrak Wakalah sebagai wakilnya untuk melaksanakan struktur 'dual -agency'.

- vi. The SSP Platinum placement amount will be tagged by the system for the entire six (6) months' tenure.
Amaun simpanan SSP Platinum akan ditandakan oleh sistem untuk keseluruhan tempoh enam (6) bulan.
- vii. The new placement must be made in **a single transaction (one certificate)**.
*Penyertaan baru mesti dilakukan dalam **satu transaksi (satu sijil)**.*
- viii. Saving can be made by cash, account debiting and cheque via BSN counter only.
Simpanan boleh dibuat dengan wang tunai, debit akaun dan cek melalui kaunter BSN sahaja.
- ix. The SSP Platinum placement under this Campaign is allowed for full redemption only.
Simpanan SSP Platinum di bawah Kempen ini hanya dibenarkan untuk penebusan penuh sahaja.
- x. Early redemption before maturity (within saving retention period) is allowed and shall be subject to the existing terms and conditions of SSP Platinum redemption.
Penebusan awal sebelum tempoh matang (dalam tempoh pengekalan simpanan) dibenarkan dan tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada berkaitan penebusan SSP Platinum.
- xi. Any premature redemption of the SSP Platinum is a breach to the eligibility of this Campaign and as such, the Customer shall not be entitled to the special profit rate offered under this Campaign.
Penebusan awal SSP Platinum adalah melanggar syarat kelayakan Kempen ini dan oleh itu, Pelanggan tidak layak menerima kadar keuntungan istimewa yang ditawarkan di bawah Kempen ini.
- xii. If Customers make early redemption or demand for selling price (deposit amount plus profit) before its maturity date, Customers hereby acknowledge and agree to grant **rebate (ibra')** by releasing all or part of profit comprised in the agreed selling price and further agree that the following shall apply whereby:-
*Sekiranya Pelanggan membuat penebusan atau permintaan awal terhadap harga jualan (amaun deposit beserta keuntungan) sebelum tarikh matang, Pelanggan dengan ini mengakui dan bersetuju untuk memberi **rebat (ibra')** dengan melepaskan keseluruhan atau sebahagian keuntungan daripada harga jualan sepertimana yang dipersetujui dan seterusnya bersetuju dengan ketetapan berikut:-*
 - a. Redemption made within the period less than one (1) month from the savings date, Customers are not entitled to receive any profit.
Penebusan yang dibuat dalam tempoh kurang dari satu (1) bulan dari tarikh simpanan, Pelanggan tidak berhak menerima sebarang keuntungan.

- b. Redemption made after the period of one (1) month or more from the savings date, Customers only entitled to receive profit based on BSN SSP Platinum's indicative profit rate.
Penebusan yang dibuat selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih dari tarikh simpanan, Pelanggan hanya berhak mendapat keuntungan berdasarkan kadar indikatif BSN SSP Platinum.
- xiii. The calculation of profit is based on the daily saving balance.
Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan baki simpanan harian.
- xiv. This SSP Platinum placement that are not redeemed after the expiry of saving retention period (maturity) shall be converted to a normal SSP Platinum based on Mudarabah contract and thereafter shall be subjected to existing terms and conditions for normal SSP Platinum.
Penyertaan SSP Platinum yang tidak ditebus selepas tamatnya tempoh pengekalan simpanan (matang) akan berubah menjadi SSP Platinum biasa berdasarkan kontrak Mudarabah dan tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada untuk SSP Platinum biasa.
- xv. For the purpose of this Campaign, the SSP Platinum deposit placement must be made on the same day as the purchase of the selected BSN Takaful Makmur.
Bagi tujuan Kempen ini, simpanan SSP Platinum perlu dilakukan pada hari yang sama pembelian BSN Takaful Makmur yang dipilih.
- xvi. For the purpose of this Campaign, the total amount of placement in SSP Platinum cannot be more than the amount of the selected for BSN Takaful Makmur purchased.
Bagi tujuan Kempen ini, keseluruhan amaun simpanan dalam SSP Platinum tidak boleh melebihi jumlah amaun pembelian BSN Takaful Makmur yang dipilih.
- xvii. The terms and conditions of this Campaign shall be read together with the existing terms and conditions for SSP Platinum and terms and conditions governing Takaful products.
Terma dan syarat Kempen ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat SSP Platinum yang sedia ada dan terma dan syarat berkaitan produk Takaful.

b) BSN Takaful Makmur

Certificate Information Statement
Penyata Maklumat Sijil

Customer should read the following information in line with the conditions stated in Product Disclosure Sheets and the Certificate.

Pelanggan hendaklah membaca maklumat di bawah bersama-sama dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk dan Sijil ini.

1. Proof of Age

Bukti Umur

The age of the Covered Person will be admitted before commencement of coverage upon the production of satisfactory documentary evidence provided by the Customer and which are acceptable to PruBSN Takaful Berhad ("PruBSN").

Umur Orang yang Dilindungi akan diperakui sebelum perlindungan bermula setelah Pelanggan telah mengemukakan bukti dokumentasi yang memuaskan kepada pihak PruBSN Takaful Berhad ("PruBSN").

2. Nomination

Penamaan

- i. Customer can choose who will receive the benefits upon his/her death by filling in a nomination form and submitting to PruBSN. Nomination is only applicable if the Covered Person is the Participant.
Pelanggan boleh memilih siapa yang akan menerima manfaat selepas kematian dengan mengisi borang penamaan dan hantar kepada pihak PruBSN. Penamaan hanya terpakai jika Orang Yang Dilindungi adalah Peserta.
 - ii. The Certificate will state whether the Customer has already nominated a person to receive the benefits. If the Customer has not chosen anyone, please complete the nomination form which can be obtained from PruBSN and send it to PruBSN immediately.
Sijil tersebut akan menyatakan sama ada Pelanggan telah menamakan seseorang untuk menerima manfaat-manfaat. Sekiranya Pelanggan belum lagi membuat penamaan, sila isi borang penamaan yang boleh didapati daripada PruBSN dan hantar kepada PruBSN dengan segera.
 - iii. Upon transfer of ownership of this Certificate to the Covered Person, as the new participant of this Certificate, the Customer may change the nominee(s).
Selepas pemindahan pemilikan Sijil ini kepada Orang Yang Dilindungi, sebagai peserta baharu Sijil ini, Pelanggan boleh menukar penama.
3. Change of Address and Any Other Personal Details
Penukaran Alamat Dan Maklumat Peribadi Yang Lain
- i. In order for PruBSN to keep the Customer informed of material information, it is essential that the Customer to notify PruBSN of the latest correspondence address, email address and all other contact details, as well as the latest address of the nominee(s) and trustee(s) (if any).
Untuk membolehkan pihak PruBSN memaklumkan kepada Pelanggan mengenai maklumat-maklumat penting, adalah penting untuk Pelanggan memaklumkan PruBSN berkenaan alamat surat-menyurat terkini anda, alamat e-mel dan semua butiran perhubungan lain, serta alamat surat-menyurat terkini penama dan pemegang amanah (jika ada).
 - ii. Customer is also advised to provide PruBSN with the updated tax related information if there is a change to Customer circumstances or if any of the information in PruBSN's record becomes incorrect.
Pelanggan juga dinasihatkan untuk maklumkan kepada PruBSN maklumat terkini berkaitan cukai sekiranya ada sebarang perubahan kepada keadaan Pelanggan atau sekiranya sebarang maklumat dalam rekod pihak PruBSN adalah salah.
4. Change of Occupation
Penukaran Pekerjaan
- It is important that the Customer to inform PruBSN of any change to the Covered Person or the Covered Person's occupation, avocation or sporting activity.
Adalah penting untuk Pelanggan memaklumkan kepada pihak PruBSN mengenai sebarang perubahan kepada Orang Yang Dilindungi atau kepada pekerjaan, hobi atau aktiviti-aktiviti sukan Orang Yang Dilindungi.
5. Free Look Period
Tempoh Rujukan Percuma

If the Customer decides not to continue with their Certificate, the Customer may cancel the Certificate within fifteen (15) days from the date the Certificate is deemed delivered to the Customer. PruBSN will then refund the sum of:

- i. the amount in the MaxiShield Account (MSA); and
- ii. the value of units in the Investment Unit Account (IUA) (if any); and
- iii. any Upfront Wakalah Charge and Wakalah Certificate Charge that have been deducted; and
- iv. any Tabarru` deductions that have been deducted; and
- v. any tax (if applicable) that has been deducted.

From the refunded amount, PruBSN will deduct any medical expenses which have been paid by PruBSN (if any).

Sekiranya Pelanggan membuat pilihan untuk tidak meneruskan Sijil ini, anda boleh membatalkan Sijil dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil dianggap telah dihantar kepada Pelanggan.

Pihak PruBSN kemudiannya akan memulangkan:

- i. *amaun di dalam Akaun MaxiShield (MSA); dan*
- ii. *nilai unit-unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada); dan*
- iii. *sebarang Caj Wakalah Pendahuluan dan Caj Sijil Wakalah yang telah ditolak; dan*
- iv. *sebarang tolakan Tabarru` yang telah ditolak; dan*
- v. *sebarang cukai (jika ada) yang telah ditolak.*

Daripada amaun yang dikembalikan tersebut, pihak PruBSN akan menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah dibayar oleh pihak PruBSN (jika ada).

6. Payment of Contributions

Pembayaran Sumbangan

- i. Customer can pay the contributions via Debit Card, Credit Card, Direct Debit, Internet Banking or any other payment facilities that PruBSN makes available from time to time.

Pelanggan boleh membayar sumbangan secara Kad Debit, Kad Kredit, Debit Terus, Perbankan Internet atau sebarang kemudahan pembayaran lain yang dibenarkan oleh pihak PruBSN dari semasa ke semasa.

- ii. For Customer convenience, PruBSN encourages Customer to sign up to PruBSN direct debit facility through a Debit Card atau Credit Card or Direct Debit with any participating banks or through debitting the Customer's account with the Bank to pay the Customer's contributions. *Untuk kemudahan Pelanggan, pihak PruBSN menyarankan Pelanggan untuk mendaftar kemudahan auto debit yang disediakan oleh PruBSN menggunakan Kad Debit atau Kad Kredit bersama mana-mana bank yang menyertai atau melalui pemotongan terus akaun Pelanggan dengan Bank untuk membuat bayaran sumbangan Pelanggan.*

- iii. If Customers are paying their contributions using their Debit Card or Credit Card or through Direct Debit, PruBSN will not issue any receipt for the payment. The contribution amount shown in the Customer's Debit Card or Credit Card statement or the Customer's bank statement will be considered as proof of payment to PruBSN.

Sekiranya Pelanggan membayar sumbangan dengan menggunakan Kad Debit atau Kredit atau melalui Debit Terus, pihak PruBSN tidak akan mengeluarkan sebarang resit untuk bayaran tersebut. Amaun sumbangan yang dipaparkan di dalam penyata Kad Debit atau Kad Kredit Pelanggan atau penyata bank Pelanggan adalah dianggap sebagai bukti pembayaran kepada pihak PruBSN.

- iv. It is important that the Customer keeps the receipt that PruBSN sends to the Customer, the Customer's Debit Card or Credit Card statement or the Customer's bank statement as proof of contribution payment for future reference.

Adalah penting untuk Pelanggan menyimpan semua resit yang dihantar kepada anda oleh PruBSN, penyata Kad Debit atau Kad Kredit Pelanggan atau penyata bank Pelanggan sebagai bukti pembayaran sumbangan bagi rujukan pada masa hadapan.

- v. For more details, please refer to PruBSN website at www.prubsn.com.my.
Untuk maklumat lanjut, sila lawat laman web PruBSN di www.prubsn.com.my.

7. Surrendering Your Certificate

Penyerahan Sijil Anda

- i. Customer can surrender their Certificate at any time. PruBSN will return to the Customer any amount left in the MSA and the value of units in the IUA (if any).

Pelanggan boleh membuat penyerahan Sijil pada bila-bila masa. Pihak PruBSN akan mengembalikan sebarang amaun yang tinggal di dalam MSA dan nilai unit-unit di dalam IUA (jika ada).

- ii. It may be disadvantageous to surrender or replace an existing Certificate with a new one.
Membuat penyerahan atau penggantian Sijil yang sedia ada dengan Sijil yang baru mungkin tidak akan menguntungkan Pelanggan.

- iii. Should the Customer requires financial assistance, Customer may withdraw the value of units from the Customer's IUA (if any).

Sekiranya Pelanggan memerlukan bantuan kewangan, Pelanggan boleh membuat pengeluaran daripada unit-unit di dalam IUA Pelanggan (jika ada).

- iv. Please consult with Bank's representative or contact PruBSN Customer Service before making a final decision.

Sila dapatkan nasihat daripada wakil Bank atau hubungi Khidmat Pelanggan PruBSN sebelum membuat keputusan muktamad.

8. Partial Withdrawal

Pengeluaran Separa

Customer may partially withdraw the value of units from the Customer' IUA (if any) subject to the conditions imposed under the Certificate.

Pelanggan boleh membuat pengeluaran separa daripada nilai unit-unit di dalam IUA Pelanggan (jika ada) tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil.

9. Revival of Benefits

Penguatkuasaan Semula Manfaat

Customer may revive their Certificate within twelve (12) months after the Certificate has lapsed with payment of outstanding contributions required for the revival. PruBSN may need the Customer to provide proof of health before the Certificate is revived.

Pelanggan boleh menguatkuasakan semula Sijil dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas Sijil telah luput dengan membayar semua sumbangan yang tertunggak. Pihak PruBSN mungkin memerlukan Pelanggan untuk memberi bukti kesihatan sebelum Sijil dapat dikuatkuasakan semula.

10. Claims Submission

Penyerahan Tuntutan

- i. If the Customer or claimant needs to make a claim, the Customer or claimant must send a written notification to PruBSN at the following address within ninety (90) days for a claim involving critical illness and within one hundred eighty (180) days for other type of claims.

Sekiranya Pelanggan atau penuntut perlu membuat tuntutan, Pelanggan atau penuntut harus menghantar notis bertulis kepada pihak PruBSN ke alamat di bawah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari untuk tuntutan bawah penyakit kritikal dan satu ratus lapan puluh (180) hari untuk tuntutan yang lain.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Level 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange,

Kuala Lumpur.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange,

Kuala Lumpur.

- ii. Failure to give notice within such time shall not invalidate the claim if the Customer or claimant have shown that it was not reasonably possible to give such notice and that notice was given as soon as it was reasonably possible.

Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya dapat ditunjukkan bahawa terdapat sebab munasabah mengapa notis itu tidak dapat diberikan dan notis itu telah dihantar seawal yang mungkin.

- iii. Once PruBSN have received the notification, PruBSN will inform the Customer regarding the appropriate documents to be completed and furnished in order for PruBSN to process the claim. If the Customer needs any assistance, please call PruBSN Customer Service line.

Setelah pihak PruBSN mendapat notis tersebut, pihak PruBSN akan memaklumkan kepada Pelanggan mengenai dokumen-dokumen yang perlu diisi dan dihantar untuk pihak PruBSN memproses tuntutan Pelanggan. Sekiranya Pelanggan memerlukan sebarang bantuan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan PruBSN.

11. Customer Service

Khidmat Pelanggan

- i. Branch
Cawangan

PruBSN branches are open between 8:45 a.m. and 4:15 p.m. from Monday to Friday, excluding public holidays.

Cawangan-cawangan PruBSN beroperasi di antara jam 8:45 pagi sehingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti am.

- ii. Contact Centre
Pusat Panggilan

If Customer have any query, please call PruBSN Customer Service line at 03 2775 7188 during office hours (8:30 a.m. to 5:15 p.m. from Monday to Friday, excluding public holidays) or contact the Bank's representative.

Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 2775 7188 pada waktu bekerja (8:30 pagi sehingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti am) atau hubungi wakil Bank.

iii. Mail and E-Mail

Surat-menyurat dan E-mel

Customer may write to PruBSN at:

Customer Correspondence Unit

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Level 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange,

Kuala Lumpur.

E-mail: customer@prubsn.com.my

Pelanggan boleh menulis kepada PruBSN di:

Unit Khidmat Pelanggan

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange,

Kuala Lumpur.

E-mel: customer@prubsn.com.my

5. PROMOTION PACKAGE/ PAKEJ PROMOSI

- a) The Customer will enjoy a special profit rate on SSP Platinum placement amount only, subject to the fulfillment of the condition of the Campaign as stipulated in **Clause 4** above. Please refer to the illustration in **Appendix 1** for further details of the profit calculation.

*Pelanggan akan menikmati kadar keuntungan istimewa untuk simpanan SSP Platinum sahaja, tertakluk kepada Pelanggan memenuhi syarat Kempen seperti yang terkandung dalam **Klausu 4** di atas. Sila rujuk ilustrasi dalam **Lampiran 1** untuk maklumat lanjut pengiraan keuntungan.*

- b) Special profit rate will be calculated and credited to the Customers saving account upon maturity of SSP Platinum.

Kadar keuntungan istimewa akan dikira dan dikreditkan ke akaun simpanan Pelanggan pada tempoh matang SSP Platinum.

6. GENERAL/AM

- a) By participating in this Campaign, the Customer is deemed to:

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dianggap telah

- i. have read and understood the Campaign Terms and Conditions herein; and

membaca dan memahami Terma dan Syarat Kempen yang terkandung di sini; dan

- ii. agree(s) to be bound by all the Campaign Terms and Conditions and the terms and conditions relating to any of the Bank's products; and
bersejua untuk terikat dengan semua Terma dan Syarat Kempen serta terma dan syarat yang berkaitan dengan mana-mana produk Bank yang berkaitan; dan
 - iii. access to www.mybsn.com.my ("Bank's Website") on regular basis to ensure that the Customers are updated with any change or variation made to this Campaign Terms and Conditions.
mengakses laman web www.mybsn.com.my ("Laman Web Bank") dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat Kempen ini.
- b) By participating in this Campaign, the Customers consent to the Bank the right to publish or display the name, picture or any other information of the Customers for current and future advertising, promotional purposes and winner announcements in any manner that the Bank and/or its authorized service providers deems appropriate.
Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan untuk tujuan pengiklanan, promosi dan pengumuman pemenang semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Bank dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh Bank.
- c) The Campaign Terms and Conditions contained herein and/or any decisions made by the Bank in relation to this Campaign shall be final, binding and undisputable. No further correspondence, appeal and/or disputes will be entertained.
Terma dan Syarat Kempen yang terkandung di sini dan/atau sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berkaitan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, terikat dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
- d) The Bank reserves the right at its absolute discretion to amend the Campaign Terms and Conditions, suspend, withdraw or terminate the Campaign or shorten or extend the Campaign Period, for any reason, by providing twenty one (21) calendar days' notice prior to the effective date of any new and/or revised this Terms and Conditions. Notification of the aforementioned revision can be made through any mode deemed suitable by the Bank, and shall be deemed to be brought to the Customer's attention and knowledge through such mode, including but not limited to notices made available via mass media, Bank's branches, and electronic transmissions, Bank's Website, ATM(s) and other terminals managed by the Bank. Any changes to this Terms and Conditions will not affect the existing Customers in the Campaign. Bank will not be responsible for or accept any liability incurred by the Customers, directly or indirectly, caused by the amendment to this Terms and Conditions.
Pihak Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyaa untuk meminda Terma dan Syarat Kempen ini, menggantung, menarik balik atau membatalkan Kempen ini atau memendekkan atau melanjutkan Tempoh Kempen, atas sebarang alasan, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuatkuasa terhadap sebarang pembaharuan dan/atau perubahan Terma dan Syarat ini. Pemakluman tentang pindaan boleh dibuat melalui sebarang kaedah yang dianggap sesuai oleh pihak Bank, dan dianggap sebagai telah dibawah ke perhatian dan pengetahuan Pelanggan melalui Kaedah tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada notis melalui media massa, cawangan Bank, transmisi elektronik, Laman Web Bank, ATM dan terminal-terminal lain di bawah kawalan Bank. Sebarang perubahan terhadap Terma dan Syarat ini tidak akan memberi kesan terhadap Pelanggan sedia ada dalam Kempen ini. Bank tidak akan bertanggungjawab atau

menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pindaan Terma dan Syarat ini.

- e) The Bank reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Customer that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of this Campaign Terms and Conditions. The Bank reserves the right to pursue legal action against any individual the Bank believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen ini. Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang Bank percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkaitan dengan Kempen ini.

- f) The Customer shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

Pelanggan adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

- g) The Bank will not be responsible and/or liable for any damages and losses (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, which may be suffered by the Customer, directly or indirectly, as a result of participation of this Campaign or any breach of the Campaign Terms and Conditions by the Customer.

Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung ke atas sebarang kerosakan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung oleh Pelanggan, secara langsung atau tidak langsung, akibat dari penyertaan Kempen ini atau pelanggaran Terma dan Syarat Kempen oleh Pelanggan.

- h) Bank also will not be liable for technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.

Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

- i) Bank shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of the Bank.

Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

- j) Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan.

Any expenses incurred to participate in this Campaign is the sole responsibility of the Customer.

- k) In the event of any discrepancies or inconsistencies of this Terms and Conditions between the English and Bahasa Malaysia version or any doubts in relation to any clauses the English version shall prevail.
Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dan ketidaksamaan Terma dan Syarat ini di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia atau sebarang keraguan berkaitan klausa, Versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.
- l) In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by the Bank at its discretion.
Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak Bank.
- m) Any notice to be given by the Bank shall be posted in the Bank's Website and any such notice shall be deemed given when so posted at the Bank's Website.
Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di Laman Web Bank dan dianggap sebagai telah diberikan apabila ia dipaparkan di Laman Web Bank.
- n) Unless expressly stated otherwise, these Terms and Conditions shall prevail over any other provisions and/or representations contained in any other notices/promotion/advertising materials for the Campaign.
Melainkan dinyatakan sebaliknya, Terma dan Syarat ini akan kekal terpakai mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau representasi yang terkandung di dalam sebarang notis/promosi/bahan pengiklanan yang lain untuk Kempen ini.
- o) All Customers are required to log in to the Bank's Website to keep up to date with the promotion and on the latest and updated Terms and Conditions, if any.
Semua Pelanggan adalah dikehendaki untuk log masuk ke Laman Web Bank untuk mengikuti perkembangan terkini promosi dan Terma dan Syarat terkini dan dikemas kini, jika ada.
- p) These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

7. PERSONAL DATA/DATA PERIBADI

- a) By participating in this Campaign, the Customers hereby voluntarily gives express authorization and consent to the Bank and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by the Bank, if any, to use and disclose the Personal Data and Customers' entry details as provided to the Bank for the purposes of this Campaign only; or to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or to comply with a Court order or direction; or to verify the Customer's account status with any third party; or where the Customer requests in writing; or to protect and defence the Bank or the Bank' asset. In the

event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the Privacy Notice, the terms and conditions under the Privacy Notice shall prevail.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini bersetuju memberikan keizinan dan kebenaran kepada Bank dan/atau syarikat berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank, sekiranya ada, untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan Pelanggan seperti yang diberikan kepada Bank untuk tujuan Kempen ini sahaja; atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau untuk mengesahkan status akaun Pelanggan dengan mana-mana pihak ketiga; atau apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan; atau untuk melindungi dan mempertahankan Bank dan aset Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Notis Privasi, terma dan syarat di bawah Notis Privasi akan diguna pakai.

- b) The Customer hereby authorises the bank to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as the Bank deems fit in connection with your account or banking services and authorises such disclosure by such person. *Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang Bank anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut.*
- c) Customers have the right at any time to :
- Pelanggan mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:*
- i) Withdraw their consent for the use of Personal Data;
Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
 - ii) Request for any correction/update of Personal Data; and
Meminta apa-apa pembedahan/pengemaskinian dilakukan ke atas Data Peribadi; dan
 - iii) Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting the Bank.
Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi Bank.
- d) The Customer agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by the Bank or participation in this Campaign and therefore the Bank has the right to discontinue the Bank's services or the Customer's participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Customers.
Pelanggan bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu Bank mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan Bank atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

End of Campaign Terms & Conditions

Terma dan Syarat Kempen Tamat

I understand and declare that I have read and understood the Terms and Conditions of this Campaign and agree with the Terms and Conditions spelled out in this document, and I am completely, irrevocably and unconditionally bound by the Terms and Conditions specified herein.

Saya memahami dan mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami setiap Terma dan Syarat Kempen ini dan bersetuju dengan setiap Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dan saya sepenuhnya, tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat terikat oleh Terma dan Syarat yang ditentukan di sini.

Authorized Signatory,

Penandatanganan Yang Dibenarkan

Signature of Eligible Customer / *Tandatangan Pelanggan Yang Layak*

Name / *Nama:*

NRIC No./*No. Kad Pengenalan:*

Giro/Giro-i Account No.:

No. Akaun Giro/Giro-i

Date/*Tarikh:*

FOR BANK USE ONLY

UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

Bank Representative / *Wakil Bank:*

Bank Representative Number (staff ID):

Nombor Wakil Bank (ID kakitangan)

Branch Code / *Kod Cawangan:*

Customer authentication by Bank Representative: <i>Pengesahan Tandatangan Pelanggan oleh Wakil Bank:</i>	Signature
---	-----------

Please note that all calculations below are for illustration purposes only. SSP Platinum special profit amount quoted below may differ based on the number of days in a month.

Sila ambil perhatian bahawa semua pengiraan di bawah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Jumlah kadar keuntungan istimewa SSP Platinum yang disebutkan di bawah mungkin berbeza berdasarkan bilangan hari dalam sebulan.

Campaign / Kempen	Period / Tempoh	Profit Rate/ Kadar Keuntungan	Payment / Pembayaran
SSP Platinum Special Profit Rate SSP Platinum Kadar Keuntungan Istimewa	1 Jan 2024 to 30 June 2024 1 Jan 2024 hingga 30 Jun 2024 (for six (6) months' tenure / tempoh enam (6) bulan)	8.88% per annum 8.88% setahun	8.88% per annum profit to be paid upon retaining the SSP Platinum deposit for 6 months' tenure <i>Keuntungan 8.88% setahun akan dibayar setelah simpanan SSP Platinum selama tempoh 6 bulan dikekalkan</i>

Formula:

SSP Platinum

Sales illustration 1

Customer A total allocation – RM50,000

Opted for 6 months tenure for SSP Platinum and BSN Takaful Makmur Plan -5 pay

Product	SSP Platinum	Takaful Makmur
Amount	RM25,000	RM25,000
Profit Rate	8.88 % p.a	10% p.a
Pay out Amount	RM1,107	RM2,500

Sales illustration 2

Customer B total allocation – RM 50,000

Opted for 6 months tenure for SSP Platinum and BSN Takaful Makmur Plan- 3 pay

Product	SSP Platinum	Takaful Makmur
Amount	RM25,000	RM25,000
Profit Rate	8.88 % p.a	5% p.a
Pay out Amount	RM1,107	RM1,250